

## Ulasan Buku

*Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, penyunting Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid, dan Nurulhasanah Abdul Rahman. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. xix + 290 hlm. ISBN 9786294600355.

Syed Ahmad Fathi  
Penyelidik Bebas

Buku suntingan bertajuk *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah* merupakan sebuah buku yang menjelaskan peranan Islam dalam perkembangan sejarah Malaysia. Peranan ini tidak hanya ditelusuri dalam aspek politik tetapi merangkumi aspek yang lebih luas termasuklah pemikiran, pentadbiran dan ketamadunan. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian, bahagian pertama memfokus pada aspek sejarah, manakala bahagian kedua memfokus kepada cabaran-cabaran semasa.

Apabila ditinjau kedudukan Melayu sebagai sebuah tamadun di Malaysia, sebenarnya pembinaan tamadun itu sudah tertubuh sebelum kedatangan Islam di Alam Melayu lagi. Dengan kedatangan Islam, orang Melayu telah menerima Islam sebagai identiti mereka sehingga Melayu dan Islam itu sukar dipisahkan. Malah perlembagaan Malaysia menjelaskan bahawa orang Melayu ialah orang yang beragama Islam (Zulkiflee Haron et al. 2011, 99-100). Maka perbincangan Islam dalam mencorakkan perjalanan sejarah di Malaysia merupakan satu topik yang signifikan.

Dengan tertanamnya jati diri Islam dalam kalangan orang Melayu, perkara ini sebenarnya telah mencorakkan interaksi orang Melayu dengan kolonial British yang menjajah Tanah Melayu. Pengalaman penjajahan British di India menyebabkan British sangat berhati-hati dengan Islam dan tidak membiarkannya tanpa kawalan. Menurut Khairudin Aljunied (2023, 108), British mengawal Islam di tanah Melayu semasa penjajahannya melalui proses yang digelar sebagai "*colonial Islamization*". Proses ini menyaksikan British menggunakan pelbagai taktik termasuk undang-undang, kekerasan, dan diplomasi bagi membentuk Islam yang sesuai dengan kepentingannya. Walaupun wujud usaha mengawal Islam, golongan agama di Tanah Melayu berjaya menggerakkan arus tengah bagi mengadakan perlawanan menentang kolonial British di Tanah Melayu. Arus tengah inilah yang menjadi titik mula perbahasan di dalam buku ini.

Bab pertama di dalam buku ini yang ditulis oleh Azmi Arifin menjelaskan peranan golongan agama dalam sejarah perkembangan nasionalisme Melayu. Wacana sejarah yang dibawa dalam bab ini menjelaskan peranan golongan agama dalam pembentukan kesedaran dan gerakan nasionalisme Melayu yang tidak ditonjolkan dalam wacana sejarah sedia ada. Jika ditelusuri beberapa penulisan sejarah, sememangnya wujud kekeliruan tentang peranan gerakan agama dalam perkembangan nasionalisme. Golongan agama sering dikaitkan dengan pengaruh yang negatif. Misalnya penulisan Ishak Saat (2011, 94-104) yang mengaitkan perkembangan pemikiran Islam dalam politik sebagai sebuah gejala radikalisme Melayu. Kekeliruan ini wujud kerana Ishak mengambil pandangan British yang melihat golongan agama sebagai ancaman buat mereka.

Kekeliruan perihal pengaruh agama dalam nasionalisme juga wujud menurut Azmi Arifin (2026, 4-5) kerana terdapatnya tanggapan bahawa nasionalisme itu merupakan idea Barat yang tidak serasi dengan agama Islam, namun beliau menolak tanggapan yang salah ini. Tanggapan seperti ini sememangnya merupakan satu kefahaman yang diterima secara meluas. Hal ini dapat dilihat misalnya dalam sebuah buku yang menyatakan:

...bentuk ‘asabiyah dan kebangsaan yang diamalkan kini sedang ianya ternyata bercanggah dengan Islam. (Ramli Awang 1985, 6).

Dalam perbincangan sejarah politik Malaysia, kebanyakan pengkaji terperangkap dengan dikotomi arus kanan dan kiri yang ketat seperti yang ditafsirkan oleh kerangka Barat. Jika dibaca dengan menyeluruh, sebenarnya pembahagian yang ketat ini sering kali merupakan satu pembahagian yang mengelirukan. Di sebalik arus kanan dan arus kiri yang sering digunakan, Azmi telah memperkenalkan gerakan agama sebagai arus tengah dalam wacana sejarah politik Malaysia. Arus tengah ini bukan arus yang menumpang di dalam arus kanan atau kiri, sebaliknya merupakan arus politik yang tersendiri. Malah Azmi (2026, 8-10) menyetengahkannya sebagai arus utama yang menjadi pelopor kesedaran nasionalisme Melayu. Walaupun peranan arus tengah ini sudah mula dibincangkan sejak penghujung tahun 1990-an lagi, namun kajian menyeluruh tentang gerakan itu masih belum dihasilkan.

Dikotomi arus kanan dan kiri dalam wacana sejarah politik Malaysia juga kuat dipengaruhi oleh unsur politik. Azmi (2026, 10-19) mengkritik paparan sejarah yang terlalu memberi fokus kepada sejarah arus kanan yang diwakili The United Malays National Organization (UMNO) sebagai kebangkitan nasionalisme terawal. Beliau juga mengkritik paparan yang mula menonjolkan sejarah yang mengangkat golongan kiri terutamanya sejak perubahan kerajaan pada tahun 2018, yang menurutnya tidak begitu ilmiah dan kebanyakannya ditulis oleh mereka dalam kalangan bukan ahli sejarah, atau “sarjana-politikus”. Selain faktor dikotomi kanan-kiri ini, Azmi (2026, 19-23) juga menerangkan faktor-faktor lain yang meminggirkan peranan arus tengah dalam wacana nasionalisme Melayu termasuklah penolakan golongan agama itu sendiri terhadap konsep nasionalisme yang dianggap sebagai satu bentuk *assabiyah* yang sekular.

Akibat daripada kekeliruan ini, tokoh-tokoh gerakan agama seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Zainal Abidin Ahmad (Za’ba), Abdullah Fahim, Abu Bakar al-Baqir, Abdul Rab Tamimi Sulaiman, Abdul Rauf bin Ahmad, dan ramai lagi, semuanya dianalisis dalam kategori sempit nasionalis arus kiri atau kanan, bukan sebagai pembawa satu arus politik Islam yang tersendiri.

Dalam menjelaskan peranan arus tengah dalam perjuangan nasionalisme Melayu, Azmi (2026, 26-29) juga telah membahagikannya pada beberapa fasa. Fasa pertama bermula pada kurun ke-16 iaitu orang Melayu mula bangkit berjihad melawan kuasa-kuasa ‘kafir’ luar seperti Portugis, Siam, British, dan Belanda yang menjajah tanahair mereka. Golongan ulama pondok misalnya, telah terlibat secara langsung dalam perjuangan menentang penjajah dan membina kesedaran antipenjajah dengan menulis kitab dan mengeluarkan fatwa bagi menggerakkan kesedaran masyarakat serta pemimpin Melayu untuk melawan penjajah menggunakan slogan Melayu-Islam.

Fasa kedua menurut Azmi (2026, 29-32) ialah fasa gerakan Islah yang bermula sekitar tahun 1900 hingga 1941. Dalam fasa ini, penjajahan British sudah pun kukuh, mereka telah menguasai istana dan orang Melayu serta berjaya menghancurkan kuasa pembesar Melayu tradisional. Arus tengah pada fasa ini telah menggunakan medium penulisan untuk menyampaikan mesej mereka tetapi dilaksanakan dalam bentuk yang berselindung bagi mengelak daripada tindak balas dan pembanterasan keras oleh British. Mereka mula membawa kesedaran bangsa Melayu Islam melangkaui batas kenegerian dan menubuhkan persatuan-

persatuan persuratan seperti Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM). Pada fasa inilah wujudnya golongan yang membawa idea pembaharuan yang disebut sebagai Kaum Muda yang bergerak melalui aktiviti di madrasah-madrasah seluruh Tanah Melayu.

Fasa ketiga ialah fasa kebangkitan semula bermula dari tahun 1945 hingga 1948. Dalam fasa ini, menurut Azmi (2026, 32-39), golongan arus tengah mula bergerak secara agresif dan terbuka. Sebahagian dari arus tengah ini berjuang dalam UMNO dan gerakan kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Mereka juga telah mewujudkan wadah mereka yang tersendiri seperti Majlis Agama Tertinggi Malaya (MATA), Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PAPERMAS), Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR), dan parti Hizbul Muslimin. Usaha mereka ini, walau bagaimanapun, segera dibanteras oleh British menggunakan Darurat pada tahun 1948.

Pengenalan arus tengah dalam perkembangan sejarah nasionalisme Melayu merupakan satu tafsiran yang sangat menarik dan membuka jalan pada eksplorasi kajian yang baharu. Wacana yang dibawakan oleh Azmi Arifin ini boleh dikatakan sebagai satu tafsiran yang segar dan wajar dikembangkan dengan lebih meluas. Tafsiran ini dapat membantu pengkaji untuk melihat nasionalisme Melayu dari perspektif peribumi dan tidak terikat dengan dikotomi politik kiri-kanan mengikut kerangka Barat. Selain itu, wacana ini berjaya mengangkat peranan Islam dalam perjuangan anti kolonial di Tanah Melayu.

Bab kedua dalam buku ini ditulis oleh Mohamed Ali Haniffa dan Ayu Nor Azilah Mohamad membincangkan perjuangan Kumpulan Parang Panjang Selempang Merah selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pendudukan Jepun telah mewujudkan suasana ketegangan kaum terutamanya antara orang Cina dan Melayu (Mohamed dan Ayu 2026, 50-51). Situasi ketegangan ini terus memburuk apabila orang Melayu telah menghadapi keganasan dan kezaliman di tangan orang Cina dari gerila komunis dan kumpulan Bintang Tiga. Bagi melindungi komuniti mereka, orang Melayu telah mewujudkan gerakan Parang Panjang Selempang Merah. Gerakan ini bukan sahaja berbentuk pertahanan diri, namun mempunyai unsur-unsur mistik berbaur keagamaan. Gerakan ini mengamalkan takbir, wirid, zikir, ilmu kebal, ilmu batin, ilmu halimunan, amalan tarekat, tangkal azimat, dan susuk jarum dalam usaha mereka menguatkan diri dan mempertahankan komuniti mereka (Mohamed dan Ayu 2026, 54-69). Dalam usaha ini, peranan agama Islam dan ulama dapat dilihat melalui usaha orang Melayu mempertahankan bangsa mereka.

Walaupun terdapat tafsiran sejarah baharu, beberapa tulisan dari buku ini masih berpegang kepada tafsiran ortodoks dalam menilai masyarakat tradisional Melayu. Misalnya tulisan dalam bab kedua yang menyatakan bahawa masyarakat tradisional Melayu bercirikan feudal (Mohamed dan Ayu 2026, 48). Perkara yang sama diulang oleh Muhamad Helmy Sabtu *et al.* (2026, 73) dalam bab ketiga yang menyatakan struktur masyarakat Melayu pada era kolonial Inggeris berasaskan sistem feudal. Kajian sejarah terkini terutamanya yang dihasilkan oleh Azmi Arifin menolak tafsiran bahawa masyarakat tradisional Melayu itu bersifat feudal. Dalam kajiannya Azmi menyatakan bahawa:

...pengenalan istilah feudalisme dalam kajian-kajian awal tentang sejarah masyarakat Melayu bukanlah timbul melalui kajian yang jelas, tetapi berkembang berdasarkan kecenderungan politik dan pengaruh dasar-dasar kolonialisme British di Tanah Melayu (Azmi Arifin 2023, 336-337).

Tafsiran ortodoks ini bukan sahaja berkisar tentang feudalisme Melayu, tetapi juga dapat dilihat dari pandangan yang menyatakan bahawa nasionalis Melayu kiri itu bersifat radikal. Ini dapat dilihat dalam tulisan Muhamad Helmy Sabtu *et al.* (2026, 78) yang menyatakan bahawa golongan kiri itu bersifat radikal kerana tidak cenderung mendukung institusi istana dan bangsawan. Gerakan seperti PKMM pula didakwa mahu menubuhkan masyarakat komunis

menggunakan pendekatan bersenjata dan ganas (Muhamad Helmy Sabtu et al. 2026, 81). Kajian sejarah terkini telah menolak tafsiran yang menyatakan nasionalis kiri Melayu bersifat radikal. Pembentukan konsep radikalisme Melayu itu sendiri sebenarnya tidak berdasarkan pembuktian sejarah yang kukuh, malah dipengaruhi oleh tafsiran kolonial British yang prejudis (Syed Ahmad Ftahi 2026). Fakta sejarah sendiri tidak menyokong tafsiran radikalisme Melayu, dan dalam isu mengangkat senjata misalnya, perkara ini telah ditolak oleh PKMM sendiri. Apabila Parti Komunis Malaya (PKM) melancarkan perang gerila, hanya segelintir kecil orang Melayu menyertai PKM, selebihnya tidak bersama dan menolak perjuangan bersenjata. G.P. Means (1970, 93) mencatatkan bahawa:

*Yet, the Communist insurrection was not the kind of revolution radical Malay nationalists had in mind. A few Malays who had been active in API and PERAM joined the Communist insurgency, while the majority of the members of the MNP became frustrated political malcontents who did not want to be committed to support either the British or the Communists. In July 1948, the MNP issued a statement cautioning its members against violence or illegal acts and stating that its political creed was based solely on nationalism.*

Dalam bab ketiga buku ini, Muhamad Helmy Sabtu et al. (2026, 74-82) menyatakan nasionalisme kiri Melayu sering dianggap gagal, namun beliau menjelaskan bahawa perjuangan kiri Melayu inilah yang menjadi pelopor kepada perjuangan nasionalisme orang Melayu. Malah gerakan kiri Melayulah yang menyokong dan menaja penubuhan UMNO. Muhamad Helmy Sabtu et al. (2026, 75) mendefinisikan nasionalisme sebagai sebuah perjuangan antikolonial bagi mempertahankan bangsa dan negara, dalam perjuangan ini agama bergerak secara beriringan sebagai alat penyatuan. Perkara ini boleh dilihat dari idea kebangsaan Dr. Burhanuddin Al-Helmy yang menyatakan bahawa iman merupakan asas perjuangannya. Menurut Muhamad Helmy (2026, 86):

Dr. Burhanuddin (1946) mengungkapkannya sebagai “iman berdiri di atas tubuh, tubuh berdiri di atas bangsa, dan bangsa berdiri di atas watan...”. Dari sini dapat difahami bahawa asas kepada kebangsaan Melayu ialah iman.

Apabila kita memahami cara gerakan kiri Melayu menggerakkan idea nasionalisme, kita akan memahami bahawa terma kiri dan kanan itu sebenarnya merupakan terma yang mengelirukan. Keadaan yang wujud sebenarnya memperlihatkan arus nasionalisme Melayu itu bergerak secara yang menyeluruh iaitu golongan kiri dan kanan berada dalam satu gerakan yang sama pada peringkat awal sejarah. Arus ini kuat dipengaruhi oleh agama Islam yang menjadi elemen penyatuan bagi mereka untuk melancarkan perjuangan antikolonial.

Bab keempat di dalam buku ini ditulis oleh Muhamad Hasrul Zakariah yang menyentuh mengenai sejarah idea sosialisme Islam di Nusantara. Dalam memaknai idea sosialisme Islam tersebut, Hasrul (2026, 97) banyak mengambil maksud falsafahnya dari tulisan Mustafa al-Siba'i yang menyatakan bahawa sosialisme Islam itu adalah pemikiran untuk mempraktikkan dasar sosial yang memerangi kemiskinan, kesakitan, kejahatan, ketakutan, dan kehinaan. Idea al-Siba'i berbeza dengan idea sosialisme Barat seperti Marxisme dan Leninisme yang bersifat materialistik dan menolak unsur ketuhanan. Sebaliknya al-Siba'i memasukkan keimanan kepada Allah itu sebahagian dari idea sosialismenya. Al-Siba'i (2020, 190) menulis:

Sosialisme Islam telah menegapkan sebesar-besar tapak bagi membina kemajuan manusia sejak mereka mengenal sejarah, iaitulah dengan beriman kepada Allah Ta'ala yang menjadikan alam semesta...

Selain aspek ketuhanan, sosialisme Islam meletakkan kepentingan umum mengatasi kepentingan individu, namun pada masa yang sama tidak melarang pemilikan harta persendirian. Sosialisme Islam juga menentang polisi seperti manipulasi harga, monopoli, dan eksploitasi pasaran (Hasrul Zakariah 2026, 98-99). Dalam menelusuri perkembangan idea sosialisme Islam ini, Hasrul (2026, 103-111) telah meninjau beberapa bentuk pemikirannya dalam kalangan pemikir dan pemimpin Islam termasuklah Jamaludin al-Afghani, Gemal Abdel Nasser, Khalid Muhammad Khalid, Ali Shari'ati, Muammar Gaddafi, Ubaidullah Sindhi, Hafiz Rahman Sihwarwl, Ghulam Ahmed Parvez, Khalifa Abdul Hakim, dan Zulfikar Ali Bhutto.

Di Malaysia, gagasan sosialisme Islam ini dibawa oleh pemikir seperti Syed Hussein Alatas yang menyatakan tokoh sosialisme Islam yang utama ialah Rasulullah SAW. Bagi Alatas, sosialisme itu sudah ada dalam Islam, cuma terdapat beberapa perbezaan sosialisme Islam berbanding sosialisme Barat. Perbezaan ini dilihat dari aspek peranan agama, dialektik materialisme, relativisme moral dan visi diktator proletariat. Alatas juga mengkritik golongan yang menentang idea sosialisme Islam seperti Abu Ala Maududi, Abu Hasan Nadvi, Muhammad Iqbal dan Muhammad Asad (Hasrul Zakariah 2026, 113-116). Percanggahan pemikiran ini merupakan kesan dari proses sejarah selepas kuasa kolonial dan imperialis memecahkan kerajaan-kerajaan Islam, dan daripada proses ini lahir beberapa aliran pemikiran tentang bagaimana untuk membawa umat Islam ke masa hadapan. Sebahagian pemikir Islam menerima idea-idea Barat, terdapat juga golongan revivalis yang menolak idea Barat, manakala di tengah-tengah, terdapat pemikir yang cuba mengharmonikan kedua-dua idea ini (Alkhateeb 2017, 243-263).

Pemikir yang lebih awal membawa idea sosialisme di Nusantara sebelum Syed Hussein Alatas adalah pemimpin Sarekat Islam di Indonesia iaitu H.O.S. Tjokroaminoto yang lahir di Madiun, Jawa Timur pada 1882. Tjokroaminoto menafsirkan sosialisme sebagai sebuah falsafah persahabatan yang bertentangan dengan pemikiran individualisme. Asas Islam bagi fahaman ini disandarkan pada ayat 213 dari surah al-Baqarah yang menyeru kepada kesatuan umat. Menurut beliau lagi, amalan seperti zakat dan sedekah merupakan amalan yang berbentuk sosialis di dalam Islam. Tjokroaminoto juga menolak idea sosialisme Barat seperti komunisme. Penolakan ini bukan sekadar terbatas dalam aspek pemikiran, malah beliau menolak pengaruhnya yang tersebar dalam Sarekat Islam (Hasrul Zakariah 2026, 117-123). Menurut Tjokroaminoto (2019, 23)”

Begitulah ajaran di dalam al-Qur'an yang suci yang menjadi pokok Sosialisme Islam. Kalau segenap manusia dan kemanusiaan kita anggap sebagai satu kesatuan, tak boleh tidak, wajiblah kita berusaha untuk mencapai keselamatan bagi mereka semua.

Walaupun wujud aliran pemikiran sosialisme Islam dalam sejarah perkembangan idea di Malaysia dan Indonesia, namun jika dilihat dari sudut penerimaannya di Malaysia, tidaklah menjadi idea yang utama. Hal ini kerana, pemikiran yang merasakan bahawa Islam itu telah sempurna dan bersifat menyeluruh lebih dominan. Aliran pemikiran Islam ini cenderung melaksanakan Islam yang menyeluruh sebagai sebuah polisi, bukan menjalankan sosialisme yang dilihat mempunyai hanya beberapa ciri persamaan dengan idea-idea sosial dalam Islam.

Pengaruh Islam terutamanya dalam bidang politik di Malaysia tidak sempurna perbincangannya tanpa mengambil kira peranan yang dimainkan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Di dalam buku ini, hal ini dibincangkan oleh Ishak Saat dan Ahmad Zainuddin Husin yang menyorot kelahiran parti ini serta cabaran yang dihadapi sepanjang perjuangannya. Terdapat perbincangan berkenaan kelahiran parti ini terutamanya dalam persoalan kedudukannya yang merupakan serpihan kepada parti Melayu yang lebih besar iaitu UMNO. Menurut Ishak

dan Ahmad (2026, 139-142) perkara ini tidak boleh dinafikan. Fakta sejarah merekodkan kelahiran PAS adalah dari Biro Agama UMNO yang berpecah kerana pandangannya yang tidak selari dengan organisasi induknya. Bermula dengan kongres pada tahun 1951 maka tertubuh Persatuan Alim Ulama Se-Tanah Melayu yang kemudiannya menjadi Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) di bawah pimpinan Haji Ahmad Fuad Hassan. Walaupun dari sudut organisasi, PAS berasal dari UMNO, dari segi semangat, inspirasi, dan matlamat perjuangan Islam, PAS mempunyai akar yang lebih awal iaitu dari perjuangan Hizbul Muslimin.

Walaupun PAS memperjuangkan Islam sebagai teras perjuangan mereka, ini tidak bermakna bangsa dan agama lain diabaikan. Keadilan bagi semua warga ini dapat dilihat melalui slogan yang digunakan seperti "*PAS for all*" yang berjaya menarik sokongan masyarakat majmuk di Malaysia. Selain itu, PAS juga menggunakan strategi menggabungkan kepimpinan ulama dan profesional yang berjaya menarik banyak sokongan dari kalangan rakyat (Ishak Saat dan Ahmad Zainuddin 2026, 144-147). Sepanjang sejarah perjuangan PAS, pelbagai cabaran telah dihadapinya. Cabaran itu termasuklah kehilangan pemimpin, krisis kepimpinan dan juga perpecahan parti. Antara krisis yang disorot ialah krisis kepimpinan Muhammad Asri pada tahun 1982. Krisis ini menyaksikan Asri dan kumpulannya berpecah dari PAS dan menubuhkan HAMIM (Ishak Saat dan Ahmad Zainuddin 2026, 149-150).

Saat PAS menghadapi krisis, mereka tidak keseorangan tetapi telah dibantu oleh persatuan lain. Antara organisasi yang banyak membantu PAS adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Menurut Ishak dan Ahmad (2026, 152), ABIM sememangnya lantang menyokong PAS. Apabila PAS menghadapi kekalahan dalam pilihanraya 1978, tokoh-tokoh ABIM telah bertindak menyertai PAS bagi menyuntik tenaga baharu ke dalamnya. Antara pemimpin ABIM yang menyertai PAS termasuklah Fadzil Noor, Abdul Hadi Awang, Nakhaie Ahmad, Kamaruddin Jaafar dan Tuan Ibrahim Tuan Man. Keputusan yang dibuat pada tahun 1978 ini sebenarnya tidaklah dipersetujui oleh kesemua pimpinan ABIM, antaranya pimpinan ABIM Perlis yang merasakan dengan keluarnya tokoh-tokoh ABIM untuk menyertai politik kepartian akan melemahkan ABIM sendiri secara dalaman (Muhammad Suhaib Ahmad Zahir 2025, 215). Tidak semua tokoh ABIM memilih PAS sebagai wadah perjuangan mereka, sebaliknya sebahagian mereka menyertai UMNO seperti Anwar Ibrahim, Fuad Hassan, Kamaruddin Mohd Nor dan Fauzi Abdul Rahman. Menurut Ishak dan Ahmad (2026, 152), tokoh ABIM yang bersama PAS berjaya mencorakkan sejarahnya, manakala yang bersama UMNO tenggelam bersama arusnyanya.

Sejarah perpecahan dalam PAS bukanlah suatu peristiwa yang berlaku sekali, sebaliknya adalah episod yang berlaku berulang-ulang. Ishak dan Ahmad (2026, 155) melihat keadaan ini sebagai satu kegagalan parti itu belajar daripada sejarahnya. Pada tahun 2015 berlaku lagi perpecahan yang sangat signifikan dalam PAS hingga tertubuhnya parti serpihan baharu iaitu Parti Amanah Negara (AMANAH). Walau bagaimanapun PAS dilihat masih mampu meneruskan perjuangannya dan masih kekal menjadi parti yang dominan membawa perjuangan politik Islam di Malaysia. Sejarah perjuangan PAS sememangnya merupakan satu lipatan yang sangat berharga untuk dipelajari bagi memahami pengaruh Islam dalam arus sejarah Malaysia.

Bahagian kedua buku ini menumpukan peranan Islam dalam isu-isu semasa di Malaysia. Bahagian ini dimulakan dengan tulisan Nurulhasanah Abdul Rahman dan Ahmad Fauzi Abdul Hamid yang meneliti perkembangan pentadbiran awam di Malaysia dari perspektif Islam. Sejak awal lagi, Tanah Melayu telah dipengaruhi Islam dalam pentadbiran. Perkara ini dapat dilihat dalam penemuan prasasti seperti Batu Bersurat Terengganu (1303) yang mencatatkan hal-hal perundangan Islam termasuklah hal-hal pentadbiran (Nurulhasanah dan Ahmad Fauzi 2026, 162). Namun pengaruh Islam dalam pentadbiran sedikit terencat dengan datangnya kuasa kolonial Inggeris yang memperkenalkan sistem perundangan mereka. Hal ini dapat dilihat dengan perlaksanaan Undang-Undang Sivil 1937 yang bertunjangkan sistem *Common Law*.

Sistem yang dibawa penjajah ini memperkenalkan falsafah pemisahan agama daripada pentadbiran kerajaan (Nurulhasanah dan Ahmad Fauzi 2026, 165-166).

Tulisan Nurulhasanah dan Ahmad Fauzi (2026, 169-174) kemudian membincangkan fasa pembentukan pentadbiran awam di Malaysia, fasa pemodenannya, dasar-dasar yang diperkenalkan serta cabaran yang dihadapi. Antara perubahan signifikan yang disentuh adalah apabila kerajaan Barisan Nasional (BN) tumbang buat kali pertama pada tahun 2018. Kerajaan Pakatan Harapan (PH) kemudiannya secara drastik menamatkan kontrak 50,000 penjawat awam yang mengakibatkan ramai yang tidak berpuas hati. Natijahnya kerajaan PH hanya dapat bertahan selama 22 bulan.

Pelbagai krisis yang melanda pentadbiran awam di Malaysia dianalisis di dalam buku ini. Antaranya ialah amalan dua darjat semasa pandemik COVID-19, skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan kelembapan penjawat awam dalam menerima dan melaksanakan transformasi digital. Sebab-sebab yang diberikan dalam memahami permasalahan ini termasuklah kehilangan penghayatan agama dan juga sekularisme yang merupakan saki baki peninggalan kolonialisme Inggeris. Permasalahan falsafah turut disentuh dalam analisis permasalahan ini termasuklah hakikat demokrasi itu sendiri yang sebenarnya tidak menzahirkan keseluruhan hasrat rakyat. Dominasi majoriti yang dikuasai anasir tidak sihat misalnya boleh dimanipulasikan sebagai 'suara rakyat' (Nurulhasanah dan Ahmad Fauzi 2026, 177-183). Melalui perbahasan ini dapat difahami bahawa kemajuan material dan digital perlu sentiasa dipandu oleh kemajuan agama, moral, dan rohani. Jika tidak, kemajuan tersebut akan digunakan ke arah pentadbiran yang rosak dan merosakkan.

Selain isu pentadbiran awam, buku ini turut mengandungi bab yang membincangkan isu protes jalanan yang sering melingkari proses politik di Malaysia. Protes ini boleh dilihat sebagai satu aktiviti negatif yang mengancam keselamatan awam. Namun pengarang bab ini, Azrul Azlan Abdul Rahman (2026, 189) membincangkan aktiviti protes dan demonstrasi jalanan dari sudut yang positif. Beliau meninjau definisi yang dikemukakan oleh Rawls yang menyatakan bahawa protes jalanan sebagai satu bentuk ketidakakuran sivil (*civil disobedience*) secara aman yang dilakukan rakyat bagi mendesak perubahan apabila saluran menyuarakan pendapat sudah tertutup. Howard Zinn (2007, 125-126) mendefinisikan ketidakakuran sivil sebagai satu tindakan melanggar undang-undang dengan sengaja bagi mencapai matlamat sosial. Zinn (2007) menyatakan bahawa tindakan Mahatma Gandhi di India misalnya, yang berarak dan melanggar undang-undang bagi melawan kolonial Inggeris sebagai sebuah ketidakakuran sivil. Dalam sejarah Malaysia, protes jalanan yang masyhur dan berprofil tinggi termasuklah demonstrasi rakyat menentang Malayan Union (1945-1946), demonstrasi kes Natrah (1950), gerakan reformasi (1998), dan siri demonstrasi Bersih (2007-2012). Semua demonstrasi ini memberi kesan yang signifikan terhadap sejarah Malaysia (Azrul Azlan Abdul Rahman 2026, 190-193).

Meninjau demonstrasi jalanan dari perspektif Islam, Azrul (2026, 193-197) menjelaskan bahawa ulama berbeza pendapat dalam hal ini. Sebahagiannya mengharuskan manakala sebahagian lagi mengharamkan. Dalil-dalil hukum bagi setiap pandangan diterangkan namun tidak dinyatakan secara spesifik oleh ulama-ulama bagi dua cabang pandangan ini. Antara siri demonstrasi yang dibincangkan oleh Azrul (2026, 214-215) ialah Perhimpunan Bersih. Menurutnya, Bersih 1.0 merupakan demonstrasi berunsurkan politik manakala Bersih 3.0 dilihat sebagai satu peristiwa yang memberi tanggapan negatif buat negara di mata dunia. Jika diteliti catatan demonstrasi Bersih 3.0 pula, mereka merasakan bahawa perhimpunan tersebut merupakan manifestasi suara hati rakyat yang mahukan perubahan (Amir Bani Salim 2012, 179). Tulisan Azrul merupakan satu rujukan yang baik untuk digunakan bagi melihat penggunaan demonstrasi sebagai instrumen politik dari kaca mata Islam.

Buku ini tidak hanya melihat perkembangan isu-isu politik di Malaysia melalui perspektif Islam tetapi turut merangkumi perbincangan perihal persoalan kebudayaan,

pemikiran, dan kepercayaan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Perbincangan ini dapat difahami melalui tulisan Zawana Husna Idris yang membincangkan amalan tahyul dan kurafat di Malaysia.

Zawana (2026, 221) membincangkan bagaimana pengaruh animisme, dinamisme, dan agama Hindhu-Buddha dalam sejarah mempengaruhi kepercayaan, adat, pantang larang, serta kehidupan orang Melayu yang boleh disifatkan sebagai khurafat. Bagi memahami bentuk dan ciri-ciri animisme, Zawana (2026, 224) menggunakan konsep antropologi yang diketengahkan oleh Graham Harvey. Antara amalan masyarakat Melayu yang mempunyai unsur khurafat ialah tarian kuda kepong yang mempunyai elemen pemujaan roh dan penggunaan jampi serapah (Zawana 2026, 227). Selain tarian kuda kepong, amalan lain yang mempunyai unsur-unsur khurafat dan tahyul termasuklah tarian permainan puteri, persilatan, dan rawatan tradisional yang menggunakan jampi, mantera, dan wafaq (Zawana 2026, 229-232). Tulisan Zawana boleh dikatakan sebagai sebuah tinjauan yang ringkas. Terdapat pelbagai lagi elemen yang mencemarkan kefahaman masyarakat Melayu Islam di Malaysia yang tidak disentuh. Misalnya kajian berbentuk bibliografik yang dilakukan oleh Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi (2019) ada membincangkan bagaimana elemen israiliyyat, hadith mawdu' dan fitnah sirah mencemarkan akidah dan kefahaman umat Islam di Alam Melayu.

Pada bab yang ke-9, Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa dan Wayu Nor Asikin Mohamad (2026, 236-237) membincangkan bagaimana konsep insan rabbani dapat membangunkan tamadun Malaysia. Bab ini melihat bagaimana Piagam Madinah boleh digunakan sebagai rujukan bagi membina perpaduan antara umat Islam dan bukan Islam di Malaysia (Ayu Nor Azilah et al. 2026, 238-239). Selain itu, idea pemikir Islam tersohor seperti Al-Imam as-Syahid Hassan al-Banna turut dikembangkan dan diaplikasikan dalam membentuk tamadun Malaysia, idea ini merangkumi persoalan akidah, ibadah, akhlak, ilmu, kesihatan badan, dan usaha melawan hawa nafsu (Ayu Nor Azilah et al. 2026, 241-243). Dalam bab ini juga Ayu Nor Azilah et al. (2026, 244-243) menghuraikan aspek-aspek insan rabbani yang diperlukan dalam membina tamadun Malaysia.

Bab terakhir dalam buku ini dikarang oleh Nor Azlina Endut yang menghuraikan sejarah dan aplikasi Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran di Malaysia. Melalui bab ini, dapat difahami bahawa peranan Islam itu bukan terhenti pada apa-apa yang berlaku dalam sejarah sahaja tetapi berkesinambungan hingga ke pentadbiran hari ini. Islam diiktiraf sebagai agama rasmi di Malaysia melalui perlembagaan dan dapat dirujuk bagi diterapkan dalam dasar awam (Nor Azlina Endut 2026, 265).

Pada tahun 1968, kerajaan telah menubuhkan Sekretariat Majlis Hal Ehwal Islam Malaysia bagi menyeragamkan hal ehwal Islam secara sistematik. Perdana Menteri ke-4, Dr. Mahathir Mohamad dalam sebuah seminar pada tahun 1981 mengesyorkan sebuah badan ditubuhkan bagi melaksanakan langkah ini. Bermula 1982, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran mula dibentuk dan dirangka. Dasar ini mula diperkenalkan pada tahun 1985. Melalui dasar ini jati diri Islam dalam kalangan penjawat awam mula diaplikasi dan dikembangkan. Selain itu pembangunan fizikal turut dilakukan sesuai dengan dasar ini. Perkara ini dapat dilihat dengan tertubuhnya universiti Islam, kurikulum pendidikan Islam, dan pengenalan institusi kewangan Islam. Dr. Mahathir Mohamad menyatakan pembentukan identiti berdasarkan nilai Islam ini penting bagi memastikan kesejahteraan bangsa dari ancaman luaran. Dasar ini digerakkan bagi membina identiti masyarakat Malaysia yang tersendiri (Nor Azlina Endut 2026, 267-271). Dasar ini dilihat dapat membangunkan modal insan yang sangat penting untuk pembangunan negara. Pembangunan negara bukan sahaja perlu diukur dari aspek material, tetapi juga bersama dengan kemajuan moral. Tanpa pembangunan moral, kemajuan material dalam sains dan teknologi akan digunakan ke arah kejahatan dan kehancuran (Fukuyama 2006, 6).

Secara keseluruhan, buku *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah* telah meninjau peranan Islam di Malaysia dari pelbagai sudut dan aspek. Perbahasan sejarah yang dibawa termasuklah dalam aspek-aspek dan penafsiran baharu dalam bidang sejarah. Dari perbahasan ini, dapat difahami bahawa masyarakat di Malaysia telah dipengaruhi oleh pelbagai elemen termasuklah animisme, dinamisme, agama Hindu-Buddha, agama Islam, dan pengaruh penjajahan Inggeris dan Jepun. Setiap pengaruh ini meninggalkan kesan pada masyarakat dan ketamadunan Malaysia. Seperti yang dikatakan oleh ahli sejarah Yuval Noah Harari (2015, 228), tiada satu budaya di dunia yang benar-benar asli, semuanya mempunyai pengaruh dari tamadun-tamadun lain. Walau bagaimana pun, pengaruh Islam dilihat terus dominan dalam masyarakat Malaysia berbanding pengaruh tamadun lain. Islam sebagai sebuah arus dalam sejarah terus mencorak Malaysia hingga ke hari ini.

Arus ini dapat terus dilihat dalam situasi masyarakat di Malaysia. Pengaruhnya bukan sahaja dilihat dalam politik dan pentadbiran tetapi meresap masuk ke dalam masyarakat dalam hal pemikiran dan kebudayaan. Buku ini juga menekankan perihai pentingnya nilai-nilai Islam itu terus diterapkan dalam pembangunan modal insan di Malaysia. Nilai-nilai ini dilihat dapat membentuk sebuah identiti tersendiri bagi Malaysia untuk membina sebuah ketamadunan seterusnya dapat membentuk sebuah masyarakat yang maju di persada global.

### Rujukan

- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2019). *Isrā'īliyyāt, Ḥadīth Mawḍū' & Fitnah Sīrah di Alam Melayu*. Sungai Buloh: ZZ Press & Consultation.
- Alkhateeb, Firas. (2017). *Lost Islamic History: Reclaiming Muslim Civilisation from the Past*. London: Hurst & Company.
- Amir Bani Salim. (2012). "Bersih 3.0: Suara Anak Bangsa Malaysia." Dalam *Melirik Langit Kota: Sketsa Travelog Bersih 3.0*, oleh Riduan Mohamad Nor (Ed.), 174-201. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa, dan Wayu Nor Asikin Mohamad. (2026). "Kepentingan Insan Rabbani dalam Pembangunan Tamadun Malaysia dari Perspektif Sejarah." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid and Nurulhasanah Abdul Rahman, 236-264. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Azmi Arifin. (2026). "'Arus Kanan', 'Arus Kiri' dan 'Arus Tengah' dalam Paparan Sejarah Perjuangan Kemerdekaan dan Nasionalisme Melayu, 1900-1948." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 3-47. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Azmi Arifin. (2023). *Feudalisme: Sejarah dan Persejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrul Azlan Abdul Rahman. (2026). "Demonstrasi Jalanan dari Perspektif Islam, Keselamatan dan Undang-Undang." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 188-219. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Fukuyama, Francis. (2006). *The End of History and The Last Man*. New York: Free Press.
- Harari, Yuval Noah. (2015). *Sapiens: A Brief History of Humankind*. London: Vintage.
- Ishak Saat. (2011). *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ishak Saat, dan Ahmad Zainuddin Husin. (2026). "Parti Islam Se-Malaysia: Mehnah dan Tribulasi Sepanjang Jalan." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan*

- Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 139-158. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Khairudin Aljunied. (2023). *Islam in Malaysia: An Entwined History*. Petaling Jaya: Cendekia.
- Means, Gordon P. (1970). *Malaysian Politics*. London: Hodder and Stoughton.
- Mohamed Ali Haniffa, dan Ayu Nor Azilah Mohamad. (2026). "Tarekat, Melayu dan Perjuangan: Kumpulan Parang Panjang Selempang Merah Selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 48-72. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhamad Hasrul Zakariah. (2026). "Gagasan Sosialisme Islam di Malaysia dan Indonesia: Menelusuri Sejarah dan Pemikiran Syed Hussein Alatas dan H.O.S. Tjokroaminoto." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 95-138. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhamad Helmy Sabtu, Muhamad Fakhruddin Dzulkarnain, dan Nurul Aimi Razali. (2026). "Perkembangan Nasionalisme Melayu Kiri Agama dan Gagasan Melayu Raya Era Prakemerdekaan Tanah Melayu, 1928-1948." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 75-94. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Suhaib Ahmad Zahir, Maznah Mat Kassim, dan Armanurah Mohamad. (2025). *Ustaz Dahlan: Murabbi Merentas Zaman*. Beseri, Perlis: Penerbitan IPTIPS.
- Mustafa al-Siba'i. (2020). *Sosialisme Islam*. (Hassan Saleh, Pent.). Petaling Jaya: Fajar Kiri Publication.
- Nor Azlina Endut. (2026). "Sejarah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran: Kelestariannya Terhadap Pembangunan Insan di Malaysia." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 265-279. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nurulhasanah Abdul Rahman, dan Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2026). "Evolusi dan Cabaran Pentadbiran Awam Menurut Perspektif Islam: Pengalaman Malaysia." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 161-187. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ramli Awang. (1985). *Kedurjanaan Nasionalisme ('Asabiyah Kebangsaan): Jawapan Kepada Buku 'Asabiyah Bukan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Gedung Gua.
- Syed Ahmad Fathi. (2026). *'Nasionalis Melayu Kiri': Satu Penilaian Semula Terhadap Pembentukan Imej Radikalnya Dalam Persejarahan Malaysia* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Tjokroaminoto, H.O.S. (2019). *Islam dan Sosialisme*. Petaling Jaya: Ikraq.
- Zawana Husna Idris. (2026). "Sejarah Kemunculan Amalan Tahyul dan Khurafat dalam Kalangan Nenek Moyang Masyarakat Melayu di Malaysia." Dalam *Islam Dalam Arus Sejarah: Perjuangan Politik dan Dakwah*, oleh Azmi Arifin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid dan Nurulhasanah Abdul Rahman, 220-235. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Zinn, Howard. (2007). *A Power Government Cannot Suppress*. San Francisco: City Lights Books.
- Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhamad, dan Farahwahida Mohd Yusof. (2011). *Tamadun Islam & Tamadun Asia*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

